

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kesan kejatuhan harga minyak dunia terhadap perolehan dan pendapatan Petronas.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain, penurunan harga minyak mentah antarabangsa tidak dinafikan akan memberi kesan langsung kepada prestasi kewangan PETRONAS.

Bagi tempoh kewangan 6 bulan berakhir pada 30 Jun 2015, harga minyak mentah antarabangsa "Dated Brent" telah jatuh sebanyak 47% berbanding dengan tempoh kewangan 6 bulan berakhir 30 Jun 2014. Keadaan ini memberi kesan ke atas pendapatan Kumpulan PETRONAS yang juga turut jatuh sebanyak 25% manakala keuntungan selepas cukai telah jatuh sebanyak 43%.

Untuk menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah, PETRONAS telah mengambil langkah proaktif dengan sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah. Langkah-langkah yang telah digariskan oleh PETRONAS antara lain melibatkan pengurangan perbelanjaan modal (CAPEX) sehingga 15% dan pengurangan perbelanjaan operasi (OPEX) di dalam lingkungan 15% sehingga 30%. Walau bagaimanapun, pengurangan perbelanjaan operasi (OPEX) ini tidak akan melibatkan pengurangan pekerja. Di samping itu, pelaburan akan datang akan turut dinilai semula dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

Amalan ini dijangka mampu mempersiapkan PETRONAS di dalam menghadapi situasi kemerosotan harga minyak global semasa yang telah memberi impak negatif kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.